

PMSSMP cipta rekod Malaysia Book of Records

ISSN: 1511-807X Vol 1 - Dec 2010



Persatuan Mahasiswa Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (PMSSMP) dengan kerjasama Kolej kediaman AB telah Berjaya mencatat nama dalam Malaysia Book of Records dengan menghasilkan biskut Jalur Gemilang terpanjang. Biskut Jalur Gemilang yang berukuran 18 meter panjang dan 3 meter lebar telah dihasilkan oleh lebih 50 orang pelajar yang telah mengambil masa selama seminggu untuk menyiapkan biskut tersebut dari proses penyediaan bahan mentah, membakar dan juga membungkus.

Majlis perasmian biskut terpanjang Jalur Gemilang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah.

Program ini diadakan bertujuan untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan mempunyai nilai kemahiran insaniah yang tinggi yang mempunyai penglibatan yang seimbang di antara aktiviti akademik dan kokurikulum. Selain itu, program ini juga dijalankan agar dapat

membantu melahirkan golongan pelajar yang mempunyai daya saing tinggi dan berketrampilan diri. Ini dapat meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran mereka agar sentiasa berada pada tahap yang memuaskan serta membentuk budaya kecemerlangan di kalangan pelajar apabila mereka bergraduat kelak.

National Record

Cont No: 2862
Record No: MA1002A

THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

This Is To Certify That

**KOLEJ ANUGERAH BESTARI & PMSSMP
(UNIVERSITI MALAYSIA SABAH)**

Is Listed In

THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

For completing the

LONGEST JALUR GEMILANG MADE OF BISCUITS

Length : 60 meters

Date : August 1, 2010

Venue : Universiti Malaysia Sabah

In conjunction with Program Senujak Kemendekan (Semester) 2010

DATUK DANNY OOI
Founder

Malaysia Book of Records

This record was issued on October 11, 2010